

08 APR 1996

Rencana berikut adalah yang pertama dari siri berkenaan:
JET PERIBADI LAMBANG KEJAYAAN MELAYU?

Oleh: Syed Imran Ahmad

KUALA LUMPUR: Pada pagi Jumaat, 15 Mac lalu, sekumpulan pegawai kerajaan, ahli perniagaan dan wartawan Malaysia, menunggu Timbalan Perdana Menteri di bilik orang kenamaan lapangan terbang Kimpo, Seoul.

Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang sedang dalam rangka lawatan kerja tiga hari ke Korea Selatan, dijadual berlepas ke wilayah selatan Semenanjung Korea untuk melawat dua buah kilang.

Aturcara Anwar ialah lawatan ke Hyundai Precision and Engineering di Changwon, iaitu kilang pengeluar kereta kebal tempur utama K-1 MBT serta limbungan kapal Daewoo di pulau Ok Po untuk melihat pembinaan sebuah kapal selam.

Sementara menunggu Anwar untuk ke lapangan terbang Kimhae dengan sebuah pesawat sewa khas, tiba-tiba muncul ahli perniagaan Datuk Amin Shah.

Amin Shah, yang baru sahaja dianugerahi darjah kebesaran oleh Sultan Selangor sempena ulang tahun keputeraan baginda, senyum lebar apabila memasuki bilik VIP itu.

"Bila you sampai?" sapa Datuk Zakaria Said, anggota Parlimen Kuala Kedah yang juga timbalan pengerusi eksekutif Sikap Project Management Services Sdn Bhd.

"Baru saja...dari KL," jawab Amin Shah yang masih mengukir senyum sambil menghulur tangan untuk bersalam dengan semua di dalam bilik VIP itu di samping turut menerima ucapan tahniah atas penganugerah gelaran Datuk.

Amin Shah adalah antara tokoh perniagaan "Melayu Baru" yang dilahirkan oleh keberkatan semangat perjuangan UMNO.

Beliau kini mengetuai beberapa buah syarikat besar dan terlibat dalam pelbagai bidang perniagaan di dalam dan di luar negara.

Yang menarik tentang kemunculan Amin Shah ialah cara dia sampai ke Seoul.

"I naik "private jet", terus dari KL dan singgah di Macao untuk mengisi minyak," katanya dengan penuh bangga bila ditanya oleh seorang lagi tokoh Melayu yang amat berjaya dalam dunia perniagaan, Tan Sri Abdul Rashid Hussein.

Amin Shah adalah antara segelintir ahli perniagaan Melayu yang memiliki jet peribadi untuk terbang ke merata tempat di dunia kerana urusan perniagaan. Yang lain termasuk pengerusi Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajuddin Ramli dan bos kumpulan Renong, Tan Sri Abdul Halim Saad.

"Bila you balik ke KL?, tanya Zakaria, yang lebih mesra di panggil Pak Ya. "Malam ni, pukul 10," jawab Amin Shah.

"Boleh I tumpang," tanya Zakaria, bekas anggota Exco Kanan Kerajaan Negeri Kedah yang suka berjenaka itu.

Rupa-rupanya Zakaria tidak bergurau. Beliau dan seorang dua lagi ahli perniagaan Malaysia benar-benar menumpang jet milik syarikat Amin Shah itu untuk pulang ke tanah air.

Episod di lapangan terbang Kimpo mungkin tidak termimpi akan berlaku sebelum Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dengan jayanya berkat perjuangan UMNO dan disokong oleh rakan-rakan dalam Barisan Nasional.

Jika sedekad lalu orang akan menumpang kereta kawannya untuk ke Ipoh atau Melaka, hari ini orang boleh menumpang jet kawannya untuk menyeberangi lautan dan singgah dari satu benua ke benua yang lain. Bagaimana pula selepas tahun 2020?

Siapa yang menduga bahawa seorang ahli perniagaan Melayu mampu memiliki sebuah jet dan terbang ke Korea Selatan, tiba pada sebelah pagi dan pulang

ke Kuala Lumpur pada malam itu juga. Sebenarnya, syarikat Amin Shah memiliki dua buah jet eksekutif.

Tidak dapat dinafikan bahawa pemilikan jet oleh ahli-ahli perniagaan Melayu dimungkinkan kerana kegigihan UMNO yang memperjuangkan bukan sahaja politik tetapi soal ekonomi. Perjuangan UMNO tidak sempit kepada bangsa Melayu atau Bumiputera tetapi bagi pihak semua rakyat Malaysia.

Sebagai tunggak Barisan Nasional dan sebelum itu, Perikatan, UMNO berjuang untuk negara.

Seperti yang pernah diungkap oleh Perdana Menteri dan Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bila mengulas peristiwa pahit 13 Mei: "Rakyat Malaysia yang baru sahaja mengalami rusuhan dan pembunuhan sedar tidak ada gunanya cara itu."

"Cara yang terbaik ialah kerjasama antara kaum dan kerjasama antara parti-parti politik. Parti-parti politik dalam Perikatan dan juga parti-parti di luar Perikatan."

Dr Mahathir berkata pada ketika itu, para pemimpin UMNO berpendapat bahawa mereka tidak harus terlalu memberi tumpuan kepada politik. Sebaliknya, mereka harus memberi tumpuan kepada pembangunan negara supaya rakyat hidup dengan lebih selesa, lebih aman, dan lebih makmur.

"Kita sedar ramai yang berpendapat bahawa punca berlakunya rusuhan kaum pada tahun '69 ialah kerana ada perasaan di kalangan orang Melayu dan Bumiputera bahawa mereka tidak mendapat banyak nikmat daripada kemerdekaan," kata Dr Mahathir.

Katanya, mereka percaya bahawa hanya kaum lain sahaja yang dapat mengecap kekayaan daripada kemerdekaan.

"Oleh kerana mereka berpendapat demikian, maka BN merancang untuk membahagi-bahagikan kekayaan supaya semua kaum dapat menikmatinya," tambah beliau.

Dengan persetujuan semua parti yang bergabung dalam kerjaan BN, lahirlah DEB dan kejayaannya kini semakin terserlah.

"Hari ini kita dapati syarikat gergasi Malaysia di merata-rata tempat dan mereka bukan sahaja mengadakan pelaburan di Malaysia tetapi di negara asing sehingga di Eropah," kata Dr Mahathir.

Syarikat Malaysia juga berjaya membeli beberapa buah syarikat Eropah dengan wang mereka sendiri, katanya.

"Kita boleh buat semuanya itu kerana kita dapat membangunkan keupayaan kaum di negara kita," katanya.

Antara kejayaan paling besar ialah melahirkan beratus malahan beribu jutawan Melayu dan syarikat-syarikat gergasi milik atau dikuasai mereka.

Nama-nama seperti Amin Shah, Halim Saad, Rashid Hussein, Tajuddin Ramli, Azman Hashim, Wan Azmi, Khalid Ibrahim, Ishak Ismail dan syarikat-syarikat ternama seperti Sapura, TRI, Landmarks, RHB, Arab-Malaysian, Renong, MRCB, DRB-Hicom, Business Focus dan banyak lagi tidak asing lagi di dalam dan luar negara.

Semuanya ini tidak mungkin berlaku jika UMNO tidak dilahirkan 50 tahun lampau untuk meniup angin perubahan di kalangan orang Melayu dan Bumiputera lain serta keseluruhan rakyat Malaysia.

Lihat sajalah deretan kereta mewah yang memenuhi ruang letak kereta di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bila Perhimpunan Agung UMNO diadakan. Atau, lihat saja kepada kesesakan di hampir semua masjid, di bandar besar mahupun kecil, pada hari Jumaat apabila umat Islam berkereta untuk bersembahyang. Semuanya itu adalah hasil perjuangan UMNO untuk meningkatkan taraf ekonomi rakyat, terutamanya Bumiputera. -- BERNAMA

SIA